

ENAM pelajar yang menerima Skim Insentif Huffaz Al-Quran USIM selepas majlis penyampaian yang diadakan di USIM baru-baru ini.



# Insentif kepada huffaz al-Quran

**G**RADUAN Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohd. Rasyidi Md. Rasyid dan pelajar tahun tiga jurusan Syariah dan Undang-Undang USIM, Razlan Ramli, adalah antara enam pelajar yang menerima Skim Insentif Huffaz Al-Quran USIM (i-Huffaz) pada 29 Julai yang lalu.

Masing-masing menerima RM2,000 berserta sijil penghargaan yang disampaikan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

USIM merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama yang memartabatkan para huffaz al-Quran dalam kalangan warga akademik dan merupakan satu pengiktirafan kepada para huffaz daripada sebuah institusi yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengajian Islam, umumnya dan pengajian Quran, khususnya.

Menurut pensyarah Fakulti Pengajian

Quran dan Sunnah, Amiruddin Ismail, pertandingan hafazan Al-Quran itu bertujuan menggalakkan pelajar-pelajar dan warga USIM menghafal al-Quran.

Ini juga adalah hasrat Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Muhamad Muda dan semua hadiah adalah tajaan dan peruntukan daripada tabung Naib Canselor sendiri.

“Memandangkan pertandingan ini merupakan julung kali diadakan, maka ia hanya terbuka kepada pelajar USIM

sahaja dan seterusnya untuk warga USIM keseluruhannya di masa akan datang,” kata beliau.

Sementara itu, Mohd. Rasyidi Md. Rasyid, 26, yang merancang menyambung pelajaran ke peringkat sarjana dan seterusnya Doktor Falsafah di Syria memberitahu, dia mengambil masa setengah jam setiap hari selepas solat mempraktis hafazan al-Quran.

Bagi Razlan Ramli, 22, pertandingan itu merupakan kali ketiga disertainya

dan berusaha untuk lebih maju pada masa akan datang.

“Saya mendapat tempat kelima dalam pertandingan hafazan bagi kategori 15 juzuk mewakili Negeri Sembilan di Peringkat Kebangsaan dan seterusnya mewakili Malaysia untuk peringkat ASEAN di Jakarta pada tahun 2009.

Selain itu, empat orang pelajar USIM menerima RM500 berserta sijil penghargaan untuk kategori Juzuk Amma.